

# Projek terbengkalai datangkan masalah

Binaan 6 blok babit 300 lot kedai usang, dipenuhi semak samun

Oleh Md Fuzi Abd Lateh  
bhnews@bharian.com.my

**Bukit Beruntung:** Bangunan lot kedai usang akibat projek pembinaan terbengkalai di Taman Perumahan Widuri dan Kemboja, Bukit Sentosa, di sini, mengundang banyak masalah kepada penduduk berhampiran.

Binaan enam blok bangunan dengan 300 lot kedai itu bukan se-

kadar kelihatan usang dan dipenuhi semak samun, malah menjelikkan pemandangan berikutan projek 'gajah putih' itu didakwa tertangguh sejak 1995 serta terbiar hingga kini.

Penduduk, Mohd Azam Yassin, 46, berkata mereka bimbang kawasan itu mengundang masalah, termasuk pembiakan nyamuk, haiwan berbisa dan menjadi lokasi remaja melepak bersama ra-



Bangunan lot kedai yang usang dan bersemak samun di Taman Widuri dan Kemboja, Bukit Sentosa, terbiar sejak 1995 mengundang masalah kepada penduduk.  
(Foto Md Fuzi Abd Lateh/BH)

kan ketika masa terluang.

Katanya, pemaju perumahan membiarkan projek terbengkalai itu lebih 20 tahun tanpa sebarang notis amaran diletakkan di situ.

"Kami berharap Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) memantau keadaan ini dan merancang pembangunan lebih sesuai di kedua-dua tapak projek berkenaan.

"Amat merugikan apabila ada projek sakit dibiarkan di kawasan perumahan seperti ini sedangkan hartanah di Selangor kini melonjak nilai tinggi dalam pasaran se-

masa," katanya.

Tinjauan BH mendapati bangunan terbengkalai itu ditumbuhi pokok besar dan semak samun, malah ada lokasi bangunan kosong digunakan penduduk untuk membuang sampah domestik tanpa memikirkan kesannya terhadap kesihatan penduduk sekitar.

Mohd Azam berkata, lot dicadangkan rumah kedai itu kini drosakkan pihak tidak bertanggungjawab dengan memecah pintu, tingkap dan cermin sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, mereka juga bimbang tempat semak dan sunyi itu menjadi sarang penagih dadah melepaskan gien serta melakukan aktiviti tidak bermoral.

"Kami mahu tindakan segera diambil pihak berwajib untuk membantu memastikan masalah berkenaan terus ditangani demi manfaat penduduk di dua taman ini.

"Pembeli lot kedai juga dikatakan sudah gagal berurusan dengan pemaju bagi menyelesaikan masalah mereka secara bijaksana," katanya.